



PR1MA KEKAL KOMITED DALAM MENYEDIAKAN PERUMAHAN MAMPU MILIK

Isu berbangkit akan diselesaikan pihak pengurusan secepat mungkin

Petaling Jaya – Dengan aspirasi untuk memperkasakan pemilikan rumah dalam kalangan M40, Perbadanan PR1MA Malaysia akan terus mendokong matlamat utamanya dalam menyediakan perumahan mampu milik untuk golongan berpendapatan pertengahan.

Sehingga hari ini, PR1MA mempunyai 62 projek bernilai kira-kira RM14 billion yang sedang dijalankan di seluruh negara. Setakat Mac 31, 2021 sebanyak 20,587 unit telah siap dibina, 24,756 unit sedang dalam pembinaan manakala 7,420 unit sedang dalam perancangan.

Dalam situasi yang mencabar ini, Pengerusi PR1MA, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Nazri Md. Shariff mengambil maklum akan kekusaran pembeli berkenaan kemajuan beberapa status projek pembangunan.

“Pihak kami mengambil maklum kekusaran para pembeli dan akan cuba sedaya upaya untuk mencari jalan penyelesaian untuk isu-isu yang dibangkitkan. Pihak kami juga akan bekerjasama dengan semua pihak termasuk pihak Kementerian yang berkenaan dalam mempercepatkan proses-proses untuk menyiapkan pembinaan kediaman.

Anggota Perbadanan serta pihak pengurusan PR1MA juga akan memberikan perhatian khusus terhadap projek yang sedang dalam pembangunan namun mengalami kelewatan seperti Residensi Tebrau dan Melaka Tengah 2.

Untuk makluman; projek Residensi Tebrau kini dalam proses untuk memberikan milikan kosong (VP) dan akan diserahkan selewat-lewatnya 30



April 2021 manakala projek Melaka Tengah 2 kini dalam proses melantik kontraktor penyelamat.

“Saya juga akan turun padang untuk berjumpa dengan pembeli sendiri dan lihat bagaimana masalah ini dapat diselesaikan dengan kadar segera.” tegas Dato’ Seri Dr. Shahidan Kassim.

Seperti pemaju lain, PR1MA juga tidak terkecuali berdepan dengan isu-isu pembangunan dalam melaksanakan mandatnya akibat daripada persekitaran ekonomi dan kedudukan sosio ekonomi yang mencabar. Dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan untuk membendung penularan wabak COVID-19, sektor pembinaan telah terkesan terutamanya dalam kemajuan pembangunan sekaligus mengakibatkan kelewatan dalam menyiapkan pembangunan perumahan.

Selain itu, PR1MA juga akan mengkaji semula projek yang telah ditamatkan terdahulu.

Untuk makluman, pada tahun 2019 PR1MA telah melalui proses rasionalisasi sebagai sebahagian daripada Pelan Transformasi PR1MA. Hasil daripada proses ini; daripada 94 projek yang telah ditandatangani perjanjian; 32 projek telah/akan ditamatkan. Kini, PR1MA akan mengkaji semula potensi pembangunan projek yang telah/akan ditamatkan di atas dan menganggarkan kira-kira 20 tapak projek boleh dibangunkan berdasarkan konsep yang bersesuaian dengan keperluan pasaran semasa. Inisiatif ini dirancang agar dapat merencanakan sektor pembinaan dan pasaran perumahan.

PR1MA juga terus mencari kaedah penyelesaian untuk membantu golongan sasaran untuk memiliki rumah, khususnya dalam tempoh ekonomi yang mencabar. PR1MA kini sedang memperhalusi terma serta mekanisma pelaksanaan skim Rent-to-Own sebagaimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan di dalam Belanjawan 2021. Skim ini dirancang untuk meringankan bebanan kewangan pembeli dan disasarkan akan dilancarkan dalam bulan Jun 2021.